

# PERKESO perkenal piawaian berkaitan keselamatan jalan raya

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjaya membangunkan garis panduan keselamatan bagi mencegah risiko kemalangan dalam kalangan pekerja, khususnya di sektor gig.

Mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan, Malaysian Standard (MS) 2576:2023 - Amalan Terbaik bagi Penyedia Platform ke arah Menerapkan Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya Berkaitan Kerja, diyakini berupaya memangkin perubahan positif membabitkan Orang Bekerja Sendiri (OBS).

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata MS 2576:2023 adalah piawaian pertama dibangunkan mengenai amalan baik pengurusan keselamatan jalan raya khusus untuk penyedia platform ekonomi gig dengan pendekatan lebih sistematik dan fleksibel.

Beliau berkata, piawaian yang bakal berperanan sebagai garis panduan ini dibangunkan khusus untuk membantu penyedia platform, terutama operator e-hailing dan p-hailing dalam pengurusan keselamatan pekerja berkaitan jalan raya.

"Ia bagi mengurangkan kadar kemalangan membabitkan OBS yang juga penjarum PERKESO melalui Skim Keselamatan Sosial

Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

"MS menyediakan garis panduan untuk amalan baik yang boleh diguna pakai oleh mana-mana penyedia platform dalam sektor pengangkutan, termasuk pengendali e-hailing dan p-hailing bagi pelaksanaan pengurusan keselamatan trafik jalan raya melalui pendekatan sistematik dan fleksibel.

"Ia juga bagi memastikan penambahan kepada amalan dan sistem secara berterusan," katanya ketika merasmikan penutupan Seminar Vision Zero Malaysia 2023, di sini.

Hadir sama Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakrud; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

PERKESO membangunkan MS 2576:2023 bersama Jabatan Standard Malaysia dengan mendapatkan pandangan semua pemegang taruh daripada kerajaan dan industri membabitkan pakar, pihak berkuasa, institut penyelidikan, ahli akademik, badan profesional dan persatuan.

Demi memastikan penyediaan piawaian yang terangkum, rangkaian pemain industri turut dijemput dalam proses penyedia-

an MS ini, selaras pembangunan ekonomi digital dan pekerja gig di negara ini.

**Kurangkan kadar kematian**  
Pada masa sama, Sivakumar berkata, amalan ini bertujuan mengurangkan kadar kematian dan kecederaan serius membabitkan pemandu serta penunggang yang berkhidmat di sektor gig.

Katanya, piawaian ini menggariskan langkah dan inisiatif yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko keselamatan lalu lintas jalan raya yang berkaitan pekerjaan.

"Kerajaan berharap semua penyedia perkhidmatan dapat menggunakan piawaian ini dengan sepenuhnya demi keselamatan dan kesejahteraan pekerja di sektor ekonomi gig," katanya.

Beliau berkata, MS juga menyokong dasar semasa kerajaan antaranya Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25) serta Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 (MRSP 2022-2030).

Katanya, Kementerian Sumber Manusia amat serius mengurangkan kemalangan dalam kalangan pekerja Malaysia yang masih membimbangkan, termasuk pekerja di sektor ekonomi gig.

"Pada 2022, sebanyak 72,149 kes, di mana 45.7 peratus atau 32,976



Sivakumar bersama Mohammed Azman melancarkan buku garis panduan MS 2576:2023 pada majlis Penutupan Vision Zero Seminar Malaysia 2023, di Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

kes membabitkan kemalangan ketika dalam perjalanan atau pulang dari kerja yang dilaporkan kepada PERKESO.

"Daripada jumlah itu, 651 kematian akibat kemalangan dalam perjalanan direkodkan berbanding 281 kematian akibat kemalangan industri.

"Angka itu membimbangkan kerana secara purata, daripada tiga kematian akibat pekerjaan yang dilaporkan kepada PERKESO dalam sehari, dua adalah disebabkan kemalangan ketika dalam perjalanan atau pulang dari lokasi kerja manakala satu kematian disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja," katanya.

Beliau berkata, statistik laporan kemalangan menerusi SKSPS pula merekodkan sebanyak 1,204

kes kemalangan dan 25 kematian membabitkan sektor pengangkutan barangan dan makanan serta pengangkutan penumpang dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Selain itu, katanya, pola peningkatan sama dicatatkan dalam kes kemalangan bagi kedua-dua sektor berkenaan tahun lalu, mencecah 158.9 peratus, iaitu 1,872 kes berbanding 723 pada 2021.

"Malah peningkatan sebanyak 56 peratus turut direkodkan dalam kes kematian iaitu lonjakan daripada 25 kes pada 2021 kepada 39 kes, tahun lalu bagi pekerja sektor pengangkutan barangan serta makanan dan pengangkutan penumpang disebabkan kemalangan berkaitan dengan perjalanan," katanya.

TARIKH: 25/8/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 18